

Straits Energy raih anugerah ESG, catat rekod pemuliharaan Setiu Wetlands

Oleh **Adibah Hani** - Disember 12, 2025 @ 6:00pm



Datuk Seri Tengku Baharuddin (tiga dari kiri), Pengerusi Straits Energy Resources dan Benua Hijau; Pengarah Projek Benua Hijau, Dr Paul Yap. Datuk Seri Ron Ho Kam Choy, Pengarah Urusan Straits Energy Resources; Harison Yusoff, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Straits Energy Resources, meraikan kejayaan meraih Anugerah Kelestarian Alam Sekitar pada ESG PLUS Awards 2025 di Kuala Lumpur bersama barisan eksekutif Benua Hijau.

KUALA LUMPUR: Straits Energy Resources Bhd (Straits) mengukuhkan kedudukannya dalam agenda kelestarian negara selepas meraih kejayaan berganda melalui pengiktirafan Anugerah Kelestarian Alam Sekitar dan pencapaian Malaysia Book of Records (MBR) menerusi inisiatif pemuliharaan berskala besar di Setiu Wetlands.

Anak syarikatnya, Benua Hijau Sdn Bhd, diumumkan sebagai pemenang kategori Perlindungan Biodiversiti & Sumber Asli pada Anugerah ESG PLUS, platform pengiktirafan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang semakin berkembang di Asia. Pengiktirafan itu turut menghargai usaha CSR syarikat yang memberi impak ketara kepada biodiversiti dan pengurusan sumber asli.

Inisiatif Benua Hijau memulihkan kawasan hutan terdegradasi di Setiu Wetlands State Park, antara tanah lembap semula jadi terbesar di Pantai Timur Semenanjung. Projek itu mencatat sejarah apabila pada September 2025 syarikat ini tersenarai dalam MBR bagi "Acara Penanaman Pokok Melaleuca cajuputi Terbesar" selepas menanam lebih 12,000 anak pokok Gelam dalam satu hari melalui usaha komuniti berskala besar.

Pengarah Urusan Straits, Datuk Sri Ron Ho Kam Choy, berkata kejayaan itu mencerminkan visi dan strategi jangka panjang syarikat dalam menerajui inisiatif ESG yang memberi impak bermakna kepada alam sekitar dan masyarakat.

"Kami mengambil pendekatan proaktif dan praktikal terhadap kelestarian. Bersama rakan kongsi dan pihak berkepentingan, kami akan terus memulihkan keindahan Setiu Wetlands dan mewujudkan impak positif untuk generasi akan datang," katanya.

Pengarah Projek Benua Hijau, Paul Yap, menzahirkan penghargaan terhadap sokongan pelbagai pihak termasuk Yayasan DiRaja Sultan Mizan, Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu, Pejabat Tanah Setiu, institusi pendidikan dan NGO tempatan.

"Komitmen mereka memperkukuh kesedaran komuniti, memperluas pengetahuan pemuliharaan dan mempercepatkan pemulihan ekosistem kritikal ini. Anugerah ini adalah kejayaan semua pihak," katanya.

Setiu Wetlands merangkumi lebih 50,000 ekar dan menempatkan sembilan ekosistem saling berkait, termasuk laut, pantai, dataran lumpur, lagun, muara, sungai, pulau, hutan pantai dan hutan bakau. Benua Hijau menyasarkan penanaman 100,000 pokok Gelam dalam tempoh lima tahun untuk memulihkan kira-kira 200 ekar hutan menggunakan spesies Melaleuca asli.

Kejayaan berganda ini mencerminkan komitmen Straits Energy dalam memacu transformasi hijau melalui pendekatan berimpak tinggi yang merangkumi kolaborasi strategik, penyertaan komuniti dan pemuliharaan berterusan kawasan tanah lembap unik di negara ini.